

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA  
PARLIMEN KE-EMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB PUAN JUNE LEOW HSIAD HUI  
[HULU SELANGOR]**

**TARIKH : 24 MAC 2022 (KHAMIS)**

**SOALAN NO. 69**

**PUAN JUNE LEOW HSIAD HUI [HULU SELANGOR]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan menyatakan apakah impak negatif yang ditanggung oleh Kementerian dan rakyat lanjutan daripada penamatan Projek KVDT Fasa 2 dan apakah kesannya terhadap kawasan Hulu Selangor.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang Di-Pertua,**

1. Untuk makluman Yang Berhormat, dari segi kontrak Projek KVDT Fasa 2, Kerajaan masih belum menandatangani perjanjian kontrak dengan pihak syarikat. Berdasarkan perkembangan semasa, penamatan dan tender semula dibuat dengan tujuan untuk mendapatkan nilai terbaik dari segi pulangan kewangan untuk Kerajaan. Kesan daripada penamatan ini akan berlaku sedikit kelewatan ke atas *headway* dan kekerapan perkhidmatan KTMB secara keseluruhan. Walau bagaimanapun, impak adalah pada tahap yang minimum dan dalam kawalan pihak KTMB.
2. Jajaran Projek KVDT Fasa 2 melibatkan tiga sektor iaitu sektor 1 (Jajaran Salak Selatan – Seremban), sektor 2 (Jajaran Simpang Pelabuhan Klang (SPK) – Pelabuhan Klang) dan sektor 3 (Jajaran Bypass Simpang Pelabuhan Klang). Jajaran Projek KVDT Fasa 2 tidak melibatkan kawasan Hulu Selangor. Jajaran KVDT yang paling dekat dengan Hulu Selangor adalah Rawang. Projek KVDT Fasa 2 tidak memberi kesan secara langsung kepada kawasan Hulu Selangor.

Sekian, terima kasih.